

Baca petikan di bawah dan nyatakan sama ada ayat yang bernombor itu jenis ayat tunggal atau ayat majmuk.

(1) Kejadian bencana alam memberi banyak kesannya kepada manusia. (2) Gempa bumi banyak mengorbankan nyawa manusia dan merosakkan harta benda. (3) Ombak besar tsunami 2004 telah menggemparkan dunia. (4) Ribuan nyawa telah terkorban. (5) Jutaan ringgit harta benda telah musnah. (6) Indonesia mengalami kesan yang amat dahsyat. (7) Sri Lanka, Thailand, dan Malaysia juga menerima kesannya. (8) Ribuan orang bersedih kerana kehilangan orang yang tersayang. (9) Ribuan kanak-kanak menjadi yatim dan ribuan orang hilang saudara-mara. (10) Walaupun banyak bantuan diberi, tetapi mangsa terus hidup menderita.

|     |      |
|-----|------|
| (1) | (2)  |
| (3) | (4)  |
| (5) | (6)  |
| (7) | (8)  |
| (9) | (10) |

Tuliskan sama ada ayat berikut ayat tunggal atau ayat majmuk.

|                                                                                                                                                       |  |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| 1. Banyak perkara yang perlu dipelajari untuk menyesuaikan diri.                                                                                      |  |
| 2. Walau bagaimanapun kehidupan saya di sini baik dan selesa.                                                                                         |  |
| 3. Bandar raya Glasgow sangat moden dan unik.                                                                                                         |  |
| 4. Bandar raya ini merupakan bandar raya tersebar di Scotland.                                                                                        |  |
| 5. Sistem pengangkutan di sini sangat maju.                                                                                                           |  |
| 6. Tidak sukar untuk bergerak ke sana sini.                                                                                                           |  |
| 7. Setakat ini, kakak telah melawat ke beberapa destinasi menarik seperti Glasgow Science Centre, Clyde Auditorium dan Pusat Beli-Belah Glasgow Fort. |  |
| 8. Tempat-tempat ini sering dikunjungi pelancong.                                                                                                     |  |
| 9. Saya mahu mendengar semua pengalaman kakak.                                                                                                        |  |
| 10. Jangan lupa bawa buah tangan untuk saya.                                                                                                          |  |